# PARLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS **2011**

## Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

## HARI KHAMIS : 1 DISEMBER 2011

CAWANGAN
PERUIMDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 12 HINGGA 38 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah**
**CAWANGAN PERUNDANGAN**
**PARLIMEN MALAYSIA**

No. Soalan : 12

PR-1243-L46699

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **JAWAB LISAN**

**DARI PAD A** **YB GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]**

**TARIKH** **1 DISEMBER 2011**

**SOALAN**

**YB Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan dan tindakan susulan Kerajaan dalam membebaskan Chong Chun Yin (27 tahun) yang dijatuhkan hukuman mati di Singapura pada 16 Jun 2008.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Chong Chun Yin telah ditahan pihak berkuasa Singapura pada 17 Jun 2008 atas kesalahan memiliki dadah jenis morfin seberat 7.7 kilogram dan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Namun begitu, pihak keluarga Chong Chun Yin telah merayu kepada Kerajaan Singapura supaya hukuman beliau dikurangkan.

3. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Republik Singapura senantiasa memberikan bantuan yang sewajarnya dengan memanjangkan rayuan Ahli keluarga Chong Chun Yin bagi mengurangkan hukuman yang telah dikenakan ke atas beliau kepada Kementerian Luar Negeri Singapura. Kali terakhir keluarga Chong Chun Yin berkunjung ke pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura untuk mendapatkan panduan dan nasihat mengenai rayuan terhadap hukuman Chong Chun Yin adalah pada 4 April 2011.

4. Sehingga kini, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Republik Singapura telah membantu menyampaikan rayuan keluarga Chong Chun Yin sebanyak 3 kali kepada Tuan Yang Terutama Presiden Singapura. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Republik Singapura kini masih menunggu jawapan daripada Kementerian Luar Negeri Singapura mengenai rayuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran benih sawit negara pada **tahun 2010** adalah sebanyak **123,517,149** dan **permintaan dalam negeri** adalah **76,506,001.** Dengan adanya program-program tanaman baru dan tanaman semula sawit adalah dianggarkan keperluan benih bagi **tahun 2011** adalah sebanyak **67,000,000** berbanding pengeluaran sebanyak **120,000,000.**

Kementerian sentiasa prihatin terhadap permintaan anak benih sawit daripada pekebun kecil terutamanya di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan pengusaha di Sabah dan Sarawak untuk membangunkan tapak semaian bertujuan membekalkan anak benih kepada para pembeli terutamanya pekebun kecil. Di samping itu, MPOB sentiasa memastikan kualiti anak benih melalui pensijilan di bawah *Oil Palm Nursery Competency Certificate* (OPNCC).

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah *National Key Economic Area* (NKEA), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM169 juta di bawah program tanam semula dan program tanam baru sawit kepada para pekebun kecil. Di bawah program ini pekebun kecil yang layak akan disediakan bantuan sebanyak RM7,000 yang meliputi persediaan ladang, bekalan anak benih dan Iain-lain input pertanian.

**Soalan No : 14**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)** |
| **TARIKH** | **01.12.2011** |

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [ TANAH MERAH** ] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

(a) status projek pemasangan projektor di setiap sekolah yang dilihat menjadi projek gajah putih; dan

(b) berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian bagi projek tersebut dan tindakan Kementerian bagi memastikan ia diguna pakai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Selaras dengan pelaksanaan Transformasi Pendidikan yang menjurus kepada menghasilkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran abad ke-21, KPM telah menerajui usaha ini dengan menyediakan prasarana dan peralatan ICT bagi menyokong kelancaran dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sehubungan itu, mulai dari tahun 2003 hingga 2008, sebanyak **141,333** buah LCD/projektor telah dibekalkan ke semua sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **8641 buah LCD/projektor** telah dibekalkan ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan peralatan ICT bersebut memang digunakan untuk pelbagai keperluan, bukan sahaja dalam p&p tetapi juga kegunaan-kegunaan lain seperti mesyuarat, kursus, taklimat dan kerja-kerja pengurusan yang dilakukan oleh guru-guru. Walau bagaimanapun, terdapat peralatan tersebut yang tidak dapat digunakan disebabkan masalah bekalan elektrik yang tidak mencukupi seperti penggunaan solar dan genset khususnya sekolah-sekolah pedalaman dan pulau-pulau kecil.

Ingin dijelaskan juga bahawa berdasarkan data aduan kerosakan yang diperolehi daripada aplikasi *Support Ticketing System* (STS) iaitu sistem pengurusan aduan masalah ICT di sekolah, peralatan ICT yang rosak adalah disebabkan oleh kadar penggunaan maksimum oleh pihak sekolah. Dari tahun 2009 sehingga November 2011, sebanyak 192,055 aduan berkaitan dengan masalah ICT telah direkodkan dalam sistem tersebut dan hanya 6% sahaja daripada jumlah ini merupakan aduan kerosakan LCD/projektor. KPM telah membelanjakan sebanyak **RM40 juta** setahun untuk menyelenggara kerosakan peralatan ini di sekolah-sekolah seluruh negara.

Bagi memastikan berlakunya penjimatan, peralatan ICT sedia ada yang dibekalkan di sekolah termasuk LCD/projektor diguna pakai dan dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam makmal komputer dan kelas bagi menjayakan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARI PADA** | **YB. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA ]** |
| **TARIKH** | **KHAMIS, 1 DISEMBER 2011 07 [PR-** |
| **RUJUKAN** | **1243-L45937]** |
| **SOALAN** | |

**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa** ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Ampang/Jalan Jelatek memandangkan jumlah bilangan kenderaan yang menggunakan persimpangan ini telah bertambah dengan banyaknya sejak 5 tahun kebelakangan ini dan pembangunan pesat terutama kawasan perumahan di sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setiawangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum tentang tahap kesesakan lalu lintas yang amat kritikal di Jalan Ampang, Jalan Jelatek dan di kawasan sekitar terutamanya pada waktu puncak yang dijanakan oleh pembangunan yang pesat di persekitaran kawasan ini. Persimpangan Jalan Ampang/Jalan Jelatek berlampu isyarat sedia ada merupakan salah satu '*constriction*' yang dikenalpasti menyumbang kepada kesesakan lau lintas di Jalan Ampang (kedua-dua hala) disebabkan isi padu lalu lintas yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, DBKL mempunyai cadangan untuk membina persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Ampang/Jalan Jelatek Kuala Lumpur. Dokumen tawaran telahpun disiapkan. Dengan melaksanakan pembinaan persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Ampang/Jalan Jelatek Kuala Lumpur, ianya dijangka dapat melicinkan penyuraian lalu lintas dan mengurangkan kesesakan dengan mengalihkannya ke jalan baru *(missing link*) ke Jalan Desa Pandan.

Skop kerja bagi cadangan membina persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Ampang/Jalan Jelatek Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

a) Membina jalan bawah tanah *"half sunken underpass"* mengikut jajaran Jalan Jelatek ke Jalan Desa Pandan.

b) Membina *"half overpass"* mengikut jajaran Jalan Desa Pandan.

c) Membina sebahagian Jalan Desa Pandan *(missing link).*

d) Pelebaran sebahagian jambatan sedia ada di Sungai Klang.

e) Pembinaan jalan dan longkang bagi permohonan bertingkat ini dan melebarkan Jalan Ampang.

Di samping itu juga, DBKL akan mengemukakan permohonan peruntukkan untuk melaksanakan projek ini dalam RMK 10 '*2nd rolling plan'.*

Soalan No: 16

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **LISAN**
**DARI PAD A** **Tuan Haji Ab Aziz Bin Ab Kadir [ Ketereh ]**
**TARIKH** **1 Disember2011**
**SOALAN** **: Tuan Haji Ab Aziz Bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status permohonan Kerajaan negeri Kelantan kepada Perdana Menteri bagi membenarkan Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri, mengimport 500,000 metrik tan beras berkualiti premium untuk jualan di negeri Pakatan Rakyat. Apakah perbandingan harga beras dunia dan harga beras yang dikenakan kepada pengguna Malaysia.**

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Sehingga kini, Kementerian tidak menerima permohonan daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bagi mengimport beras tersebut. Walau bagaimanapun, kebenaran mengimport beras bergred sama ada beras putih, beras istimewa atau beras pulut hanya diberikan kepada Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) selaku pengimport tunggal seperti yang termaktub dalam Konsesi Penswastaan BERNAS. Di peringkat runcit, beras putih tempatan dijual pada harga di antara RM1.60 hingga RM2.60 sekilogram manakala beras putih import dijual pada harga di antara RM2.60 hingga RM4.00 sekilogram.**

SOALAN NO: 17

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN** Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]

**DARIPADA** 

**TARIKH** 1 Disember 2011 (Khamis)

**SOALAN** Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

(a) status Projek Tuna di Batu Maung. Adakah ia masih beroperasi dan berapa banyak pendaratan yang dilakukan bagi tahun 2010 dan 2011; dan

(b) berapakah jumlah kos pelaburan dan operasi sehingga sekarang berbanding dengan pendapatan.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil alih secara sementara Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa Malaysia *(Malaysian International Tuna Port* - MITP) di Batu Maung, Pulau Pinang pada 12 Jun 2010 berdasarkan syarat Perjanjian Konsesi bagi memastikan pengurusan dan pengoperasian pelabuhan dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Dari segi pendaratan ikan, jumlah pengendalian pendaratan ikan yang dikendalikan di MITP bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut;

| Tahun | Jumlah Pendaratan (tan metrik) |
|---|---|
| 2010 | 2,885.50 |
| 2011 (Januari - Ogos) | 3,943.55 |
| Jumlah | 6,829.05 |

Penjelasan terperinci mengenai kedudukan projek tidak dapat diberikan kerana akan menjadi *'sub-judice'* memandangkan perkara ini masih dalam tindakan mahkamah dan timbang tara (*arbitration).*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**
**[ KUBANG KERIAN ]**

TARIKH **1 DISEMBER 2011**

**SOALAN:**

**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki kemerosotan demokrasi di negara ini khususnya dalam perjalanan dan pengendalian proses pilihan raya.



**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 54 tahun yang lalu, Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (*the majority),* melaiui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau ‘Wakil Rakyat’ di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melaiui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 54 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut

(a) Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* atau pun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain;

(b) Berasaskan kepada pemilihan seorang pewakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation)* sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen

atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN); dan

(c) Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya *(Multi Party Electoral System).*

SPR ditubuhkan mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut:

(a) menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan;

(b) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan

(c) membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian- bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Sebagai sebuah Suruhanjaya yang bebas, keputusan SPR tidak dipengaruhi oleh sesiapapun. Dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, SPR berlandaskan kerangka undang-undang yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

(a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);

(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);

(c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);

(d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;

(e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan

(f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Ketelusan SPR dalam menjalankan pilihan raya boleh dilihat di pelbagai peringkat seperti ketelusan semasa proses penamaan calon, semasa tempoh berkempen, semasa hari pengundian, semasa proses pengiraan kertas undi dijalankan dan juga semasa mengisytiharkan pemenang bagi parti yang bertanding.

Untuk rekod, perlu disebut bahawa SPR telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 Pilihan Raya Umum (PRU) semenjak tahun 1959. Ini termasuklah PRU Ke-12 pada Mac 2008 yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan pada PRU Ke-12, di samping menguasai pada ketika itu, pemerintahan empat buah Kerajaan Negeri yang baru selain mengekalkan pemerintahan di Kelantan. Sementara itu, daripada 16 Pilihan Raya Kecil yang diadakan selepas PRU Ke-12 pula, lapan daripadanya telah dimenangi oleh pihak pembangkang.

Kesemua ini meyakinkan rakyat bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang adalah sistem yang berwibawa *(credible election),* bebas dan adil. Ini

kerana, keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Soal pemilihan Kerajaan yang memerintah adalah menjadi tanggungjawab pengundi untuk menentukan pihak mana yang mereka pilih. Walau bagaimanapun, jika mereka berhasrat untuk melakukan perubahan terhadap institusi SPR, maka terpulanglah kepada pembuat undang- undang dalam negara ini untuk meminda undang-undang dan peraturan- peraturan pilihan raya yang sedia ada.

Namun, SPR berpendapat sistem dan kaedah kini masih relevan dan perlu terus dikekalkan. Pun begitu, ini tidak bermakna SPR tidak bersedia melakukan anjakan paradigma dan transformasi untuk melakukan usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya bagi memastikan 3 fungsi utama SPR dilaksanakan dengan lebih telus, berintegriti dan efektif demi menjamin demokrasi terus hidup subur di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut sudah tentu mesti berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan lunas sistem demokrasi negara.

Cadangan untuk menubuhkan **Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya** bagi membincangkan penambahbaikan kepada sistem pilihan raya agar lebih telus dan adil adalah suatu langkah bijak bagi melenyapkan tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menuduh bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan sekarang adalah tidak demokratik, adil dan telus.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas ini maka pihak-pihak yang

tidak berpuas hati dengan sistem pilihan raya di negara ini melalui wakil mereka di Parlimen akan sama-sama diberi peluang untuk memberi pendapat dan mengkaji secara mendalam sistem pilihan raya yang difikirkan lebih baik bagi mendukung dan mengukuhkan lagi demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Apa jua syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan yang datangnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak lagi akan dipertikai dan dijadikan agenda politik memandangkan syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang itu telah dibuat melalui perbincangan dan penelitian pihak-pihak yang mewakili rakyat.

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini memperlihatkan secara telus dan tulus bahawa sistem demokrasi Negara masih wujud dan subur. Ini kerana Jawatankuasa Pilihan Khas ini merupakan sebahagian daripada kelangsungan dan kesinambungan tradisi demokrasi berparlimen yang telah sekian lama diamalkan di Negara kita serta simbol *constructive engangement* (permuafakatan yang membina) di antara parti-parti politik yang mewakili satu suara rakyat Malaysia bagi membincang dan mencari kata sepakat mengenai bentuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum dilaksanakan pada Pilihan Raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** **LIS AN**

**DARIPADA:** **DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH:** **1 DISEMBER 2011**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah program TAPS (*Talent Acceleration in Public Sen/ice)* dan STAR (*Scholarship Talent Attraction and Retention*) dapat membantu Kerajaan dalam masa terdekat dan adakah graduan yang dipilih untuk menyertai program ini mendapat keutamaan dari segi peningkatan kerjaya dan sebagainya jika dibandingkan dengan graduan yang tidak dipilih.

**No. Soalan : 19**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kesan jangka pendek terhadap pelaksanaan program TAPS (*Talent Acceleration in Public Service)* dan STAR (*Scholarship Talent Attraction and Retention)* adalah ia dapat membantu Kerajaan mengekalkan bakat-bakat terbaik untuk berkhidmat dalam sektor awam dan negara yang seterusnya dapat menyumbang ke arah

menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di samping itu, program-program ini juga secara tidak langsung dapat mengelakkan berlakunya *'brain drain'* dalam sektor-sektor tertentu yang amat diperlukan oleh negara.

Pelajar-pelajar yang terpilih dalam program TAPS akan diberi pendedahan dan latihan yang bersesuaian dalam mempersiapkan pelajar ini untuk menjawat jawatan-jawatan strategik dalam sektor awam di masa akan datang. Pelajar terpilih akan diberikan keutamaan atau pertimbangan dalam peningkatan kerjaya tertakluk kepada prestasi setiap pelajar.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN SWIESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS**

**(2011)**

PERTANYAAN : LSSAN

OARiPADA : YB DATO' TAIB AZAHHUDDEM BIN MB. TAIB (BALING)

TARSKH : 1 DISEMBER 2011

SOALAN :

Dato' Taib Azamudden bin Md. Taib (Baling) minta PERDANA MENTERS menyatakan nama-nama syarikat dan pengusaha produk makanan yang

telah diberikan kelayakan sijil Halal oleh JAKIM/lain-lain, mengikut pecahan negeri dan jenis-jenis makanan tersebut, sebagai panduan kepada umat Islam.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO$^{S}$ SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM' (B)$_{S}$ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana senarai syarikat dan pengusaha produk makanan yang telah mempunyai sijil Halal Malaysia adalah terlalu panjang, maka maklumat mengenainya boleh didapati dalam Direktori Halal dengan melayari laman web Bahagian Hab Halal JAKIM-www.halal.qov.mv. serta laman web Jabatan Agama Islam Negeri. Selain itu, untuk kemudahan pengguna, JAKIM dan TM Info Media Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat TELEKOM MALAYSIA telah bekerjasama menerbitkan direktori halal Malaysia yang dinamakan *“Halal Pages”* yang mengandungi maklumat semua syarikat dan pengusaha produk yang telah mendapat sijil halal JAKIM. la akan diedarkan secara percuma kepada pengguna dalam bentuk cetakan dan digital mulai bulan Oktober 2011.

Sekian, terima kasih.

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN</u>**

**<u>DEWAN RAKYAT, MALAYSIA</u>**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARI PAD A** **Y.B. TUAN TENG BOON SOON**

**KAWASAN** **TEBRAU**

**TARIKH** **1.12.2011 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN** **21**

**<u>Y.B TUAN TENG BOON SOON</u> minta <u>MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI</u> menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyedia dan membantu pengusaha dan pekerjanya di bidang-bidang perniagaan yang dikehendaki kelulusan sijil kemahiran untuk tujuan memperbaharui lesen berniaga.**

**<u>JAWAPAN</u>**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman, sijil penyertaan yang dikeluarkan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) tidak pernah menjadi syarat untuk memperbaharui lesen perniagaan oleh mana-mana pihak penguatkuasaan yang mengeluarkan lesen perniagaan.**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui INSKEN menjalankan kursus-kursus bagi membantu golongan Bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan. Antara <u>kursus-kursus keusahawanan</u> yang dijalankan oleh INSKEN adalah :**

**i. Kursus Pembudayaan;**
**ii. Kursus Pengenalan;**
**iii. Kursus Peningkatan;**
**iv. Program Pengembangan dan Jaringan; dan**
**v. Program Khidmat Nasihat dan Bimbingan.**

**Kursus-kursus yang dijalankan tersebut adalah**

**merupakan kursus jangka pendek di peringkat sijil. Tempoh kursus adalah di antara 3-5 hari. Peserta- peserta yang menjalani kursus akan diberikan sijil penyertaan selepas mereka menamatkan kursus. Sijil INSKEN ini digunakan sebagai dokumen sokongan tambahan untuk tujuan penyediaan rancangan perniagaan bagi mendapatkan pinjaman perniagaan daripada institusi pembiayaan.**

**Walau bagaimanapun, kursus ini bukanlah bertaraf sijil kemahiran untuk tujuan memperbaharui lesen perniagaan. Bagi mendaftar dan memperbaharui lesen perniagaan, para peniaga perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.**

**SOALAN NO: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | | **DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA]** |
| **TARIKH** | | **01 DISEMBER 2011** |
| **SOALAN** | | |

1

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah wanita yang dikesan mengidap kanser pangkal rahim bagi tahun 2010/2011 dan jumlah terkini remaja perempuan berusia 13 yang telah mengambil suntikan Human Papilloma Virus (HPV) serta langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan semua remaja berkenaan di seluruh negara terutama kawasan luar bandar mengambil suntikan ini.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kanser serviks merupakan kanser yang ketiga paling kerap berlaku dalam kalangan wanita di negara. Sehingga bulan Mac 2011 terdapat sebanyak 998 kes kanser serviks baru dilaporkan bagi tahun 2010 dan 2011, di mana sebanyak 906 kes bagi tahun 2010 dan baki 92 kes dilaporkan sehingga Mac 2011 berbanding dengan 847 kes baru kanser serviks telah dilaporkan kepada Registeri Kanser Kebangsaan pada tahun 2007.

Pelalian Human Papilloma Virus (HPV) diberikan kepada remaja perempuan 13 tahun untuk mengurangkan kejadian kanser servik yang disebabkan oleh jangkitan HPV dari jenis 16 dan 18 dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang. Keberkesanan pelalian HPV sebagai kaedah pencegahan Kanser serviks hanya akan dilihat selepas remaja-remaja yang menerima pelalian HPV berusia 40 tahun kelak.

Bagi memastikan semua remaja di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar mendapat perkhidmatan ini, Kementerian Kesihatan telah menetapkan dasar pemberian pelalian HPV secara percuma kepada semua remaja perempuan warga Malaysia bermula tahun 2010 melalui perkhidmatan kesihatan sekolah dan klinik-klinik kesihatan. Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti murid-murid perempuan tingkatan 1 yang belajar di 2,271 buah sekolah menengah kerajaan, bantuan kerajaan, bantuan agama, swasta dan sekolah antarabangsa di seluruh Negara
termasuk luar bandar dan kawasan pedalaman sebagai kumpulan sasar

**NO SOALAN :**

utama yang perlu diberi pelalian HPV.

Sehingga bulan Ogos 2011, didapati penerimaaan ibu bapa adalah menggalakkan di mana, seramai 465,568 atau 96 peratus ibu bapa dan penjaga murid perempuan tingkatan 1 bersetuju untuk anak mereka diberi pelalian HPV pada tahun 2010 dan 2011. Dari jumlah tersebut seramai 231,683 (99%) dan 219,935 (95.6%) murid perempuan tingkatan 1, pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing telah diberi pelalian HPV dos pertama di seluruh Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **TUAN MAVICKAVASAGAM A/L SUNDARAM**

**[KAPAR]**

**TARIKH** **1 DISEMBER2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Mavickavasagam a/l Sundaram [ Kapar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan peserta mengikut umur, kaum dan agama yang telah atau sedang mengikut program-program PERMATA Negara serta senaraikan

perbelanjaannya. Nyatakan juga sama ada program-program PERMATA Negara diiktiraf oleh Kerajaan.

**JAWAPAN** **<u>YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ</u>**

**<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2011, daripada 47 Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang telah beroperasi di seluruh Malaysia hanya 10 PAPN yang mempunyai kanak-kanak daripada pelbagai kaum dan agama. Pecahan bilangan kanak-kanak di PAPN tersebut mengikut umur dan kaum adalah seperti berikut:-

**NO SOALAN : 19**

1. PAPN Kota Samarahan, Sarawak

| Umur | Cina | Bumiputera Sarawak |
|---|---|---|
| 1 Tahun | | 1 |
| 2 Tahun | | 1 |
| 3 Tahun | 1 | 1 |
| 4 Tahun | | 4 |
| Jumlah | 1 | 7 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 40

**NO SOALAN : 18**

2. PAPN Tuaran, Sabah

| Umur | Cina | Orang Asli | Bumiputera Sabah | Lain-lain |
|---|---|---|---|---|
| 1 Tahun | | 1 | 3 | |
| 2 Tahun | 1 | | 3 | 1 |
| 3 Tahun | | | 2 | 2 |
| 4 Tahun | | | 5 | 2 |
| Jumlah | 1 | 1 | 13 | 5 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 25

3. PAPN Dengkil, Selangor

| Umur | India |
|---|---|
| 1 Tahun | |
| 2 Tahun | |
| 3 Tahun | |
| 4 Tahun | 3 |
| Jumlah | 3 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 20

**NO SOALAN : 18**

4. PAPN Kuala Ketil, Kedah

| Umur | India |
|---|---|
| 1 Tahun | |
| 2 Tahun | 1 |
| 3 Tahun | 1 |
| 4 Tahun | 2 |
| Jumlah | 4 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 32 5, PAPN

| Umur | Cina | India |
|---|---|---|
| 1 Tahun | | |
| 2 Tahun | 3 | |
| 3 Tahun | 5 | |
| 4 Tahun | 3 | 2 |
| Jumlah | 11 | 2 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 31

**NO SOALAN : 18**

6. PAPN Hulu Selangor, Selangor

| Umur | India |
|---|---|
| 1 Tahun | |
| 2 Tahun | |
| 3 Tahun | 1 |
| 4 Tahun | 2 |
| Jumlah | 3 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 27 7. PAPN Alor

| Umur | Cina | India |
|---|---|---|
| 1 Tahun | | |
| 2 Tahun | 1 | |
| 3 Tahun | | |
| 4 Tahun | | 1 |
| Jumlah | 1 | 1 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 34

**NO SOALAN : 18**

8. PAPN Kepala Batas, Pulau Pinang

| Umur | Cina |
|---|---|
| 1 Tahun | |
| 2 Tahun | |
| 3 Tahun | 1 |
| 4 Tahun | |
| Jumlah | 1 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 24

9. PAPN Arau, Perlis

| Umur | Cina |
|---|---|
| 1 Tahun | |
| 2 Tahun | |
| 3 Tahun | 2 |
| 4 Tahun | |
| Jumlah | 2 |

Jumlah kanak-kanak di PAPN = 32

**NO SOALAN : 18**

10.PAPN Tumpat, Kelantan

| Umur | Lain-lain (Siam) |
|---|---|
| 1 Tahun | 1 |
| 2 Tahun | 2 |
| 3 Tahun | |
| 4 Tahun | |
| Jumlah | 3 |

Jumlah Kanak-kanak di PAPN = 23

Baki daripada jumlah kanak-kanak di PAPN tersebut adalah Melayu.

Sejak Program PERMATA dilancarkan pada tahun 2006 hingga 2011, sebanyak RM361 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi membiayai pelaksanaan 5 buah Program PERMATA. Peruntukan tersebut telah digunakan bagi melaksanakan perluasan Program PERMATA Negera iaitu membina, menaiktaraf dan mengubahsuai sebanyak 52 buah Pusat Anak PERMATA Negara, menaiktaraf 313 buah TASKA PERMATA KEMAS, menaiktaraf 27 buah TASKA PERMATA Perpaduan, 116 TASKA Komuniti, 66 buah TASKA PERMATA Keluarga Terengganu dan 9 buah TASKA JKM Sarawak. Selain itu, peruntukan ini juga digunakan untuk melatih seramai ke semua tenaga Pendidik yang berkhidmat di semua Pusat dan TASKA

**NO SOALAN : 18**

PERMATA, menyediakan peralatan pembelajaran bagi semua Pusat dan TASKA PERMATA dan membiayai kos operasi 52 buah Pusat Anak PERMATA.

Program PERMATA Negara telah diiktiraf oleh Kerajaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersetuju dengan penubuhan program ini pada 21 Jun 2006 dan dan pelancaran dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan pada 24 Oktober 2008.
Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **LISA N**

**DARIPADA** **TUAN MANOGARAN *AIL* MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]**

**TARIKH** **1 DISEMBER 2011**

**NO. SOALAN** **24**

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan** ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) apakah jumlah dan peratus kakitangan Kerajaan (civil service) yang berketurunan Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan Iain-lain untuk kesemua jawatan; dan

(b) apakah jumlah dan peratus kakitangan Kerajaan dari kategori Jusa 'C' dan ke atas untuk keenam-enam golongan kaum di atas.

**NO. SOALAN : 24**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sehingga 10 Oktober 2011, jumlah kakitangan awam tidak termasuk polis dan tentera ialah seramai 1,062,172 orang. Daripada jumlah tersebut 822,506 (77.4%) Melayu, 64,045 (6.0%) Cina, 42,451 (4.0%) India, 13,128 (1.2%) Kadazan dan 18,814 (1.8%) Iban.

(b) Bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA dan ke atas) pula, 2,174 (79.1%) Melayu, 275 (10%) Cina, 191 (6.9%) India, 6 (0.2%) Kadazan dan 5 (0.2%) Iban.

Sekian, terima kasih.

**Ho .SOALAW •- 2**

**~~NO.AUM .~~ 30**

**~~NO. AUP—~~:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE**

**[ MAS GADING ]**

**TARIKH** **1 DISEMBER 2011**

**RUJUKAN** **4223**

**SOALAN:**

**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada K^rajaan akan memantau semua aktiviti seperti "lawatan muhibah, lawatan kerja, kursus kepimpinan, kem bina diri dan Iain-lain lagi" oleh Badan Bukan Kerajaan (NGOs), swasta atau orang perseorangan supaya tidak disalah gunakan untuk menyebar ideologi serta pemikiran, seperti komunisme, yang bertentangan dengan Perlembagaan negara.**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak gerakan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) tamat pada tahun 1989, Kerajaan sentiasa mengawasi dan menjalankan pemantauan rapi terhadap

**JAWAPAN**

semua pergerakan dan aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana pertubuhan sama yang sah atau tidak sah bagi membendung sebarang cubaan untuk menghidupkan kembali ideologi komunisme di negara ini. Kerajaan juga akan sentiasa memantau dan memastikan mana-mana Badan Bukan Kerajaan *(NGOs),* swasta atau orang perseorangan tidak disalahgunakan bagi tujuan menyebar ideologi komunisme samada melalui aktiviti seperti lawatan muhibah, lawatan kerja, kursus kepimpinan, kem bina diri dan sebagainya. Ini bagi memastikan ketenteraman awam, kestabilan dan keselamatan negara akan dapat terus dipelihara.

~~NOr-AUM : 36.~~

~~Ne. AUP-i~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**

**TARIKH** **01 DISEMBER 2011**

**RUJUKAN** **4222**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan modus operandi yang menjadi panduan polis tatkala menentukan bentuk tindakan yang diambil untuk mengendalikan perhimpunan seperti BERSIH 2.0. Apakah panduan polis semasa menggunakan meriam air dan gas pemedih mata.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama dinegara ini telah diberi amanah dibawah Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara Malaysia. Di dalam menangani Perhimpunan BERSIH 2.0 yang lalu, pihak PDRM melalui Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) telah mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di dalam Public Order Manual (POMAN) 1971 chapter 25 dan Public Order Manual (POMAN) 1966 Chapter 45 iaitu penggunaan pemedih mata dan tindakan PSP untuk menyuraikan rusuhan adalah berpandukan pada peruntukan undang-undang seperti berikut:

1. Akta A 442 Fasal 149 Perlembagaan persekutuan;
2. Seksyen 27 Akta Polis 1967;
3. Seksyen 141 Kanun Keseksaan;
4. Seksyen 83 Kanun Keseksaan; dan
5. Akta ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 (Akta 296).

**PEMBERITAHUAN**

*MO* **SOALAN i**

PERTANYAAN **DEWAN**
**RAKYAT,** MALAYSIA

| | |
|---|---|
| DARSPADA | : **Y.B.** TUAN SR. **HAJI HAMIM** BIN **SAMURI (LEDANG)** |
| PERTANYAAN | : LISAN |
| **TARIKH** | **: 01.12.2011** |

**Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI £ LEDANG** ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang berlaku ketirisan dan penyeludupan di sempadan termasuk Sarawak-Kalimantan, barang subsidi seperti tepung, gula, gas memasak, minyak masak secara serius. Nyatakan juga kesan kepada negara kita keseluruhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memberi subsidi ke atas barangan seperti petroleum, tepung, gula, gas memasak, minyak masak bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Dengan memberi subsidi, harga barangan tersebut menjadi lebih murah daripada pasaran sebenar seperti mana di pasaran negara-negara jiran. Perbezaan harga ini sememangnya mendorong kepada aktiviti-aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi terutama di kawasan-kawasan sempadan termasuklah sempadan Sarawak-Kalimantan.

Penyeludupan barangan bersubsidi ini sememangnya memberi kesan yang besar kepada Kerajaan. !a merupakan ketIMsan hasii kepada Kerajaan di mana

sumber kewangan tersebut boleh digunakan untuk membangunkan sektor-sektor yang lebih memanfaatkan rakyat terutama golongan sasaran seperti dalam sektor pendidikan, kesihatan, infrastruktur awam dan pembangunan masyarakat.

V40
S0A\.AIJ’.
~~NO.AUM .3~~2“

KI/^ A I in ..
itwrrTur

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

